


Lawatan Tuanku Canselor ke Perpustakaan

Abstract: His Royal Highness The Sultan of Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, as the third Chancellor of the University of Malaya, graced the Library by visiting us on 4 September 1986. HRH was escorted on a tour of several special exhibitions which were staged to mark this auspicious event. Four themes formed the basis of the exhibitions. On the ground floor, HRH saw the exhibition of materials on the University of Malaya; the publications of the University of Malaya Press and the Library. On the first floor was a special exhibition of the Library's holdings on the state of Perak. Another exhibition with the theme 'From manuscript to microform' showed selected exhibits from the Library's vast holdings of materials for study, teaching and research together with the specialised equipment available to assist readers with the advances in information technology. To mark the occasion, HRH was presented with a selected number of books published by the Library.

Tanggal 4 September 1986 akan dikenang oleh kakitangan dan pembaca di Perpustakaan kerana pada hari yang bersejarah lagi berbahagia itu mereka telah berkesempatan untuk menatap wajah Tuanku Canselor Universiti Malaya yang ketiga. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah telah bercemar duli berangkat melawat Perpustakaan. Keberangkatan tiba Tuanku Canselor bersama Naib-Canselor, Timbalan-timbalan Naib-Canselor, ahli-ahli Jumaah Universiti dan kakitangan kanan pentadbiran Universiti disambut oleh Datin Shaikha Zakaria yang ketika itu memangku jawatan Ketua Pustakawan.

Baginda bersama tetamu yang terhormat dibawa melihat empat pameran yang diadakan khas sempena lawatan tersebut. Di Dewan Katalog, Baginda melihat bahan-bahan mengenai Universiti Malaya yang dipamerkan dalam enam buah almari pameran. Bahan-bahan ini merangkumi perkara-perkara seperti sejarah dan pentadbiran; canselor-canselor, lencana dan cokmar Universiti; fakulti dan jabatan; hal ehwal pelajar; syarahan-syarahan perdana dan majlis konvokesyen.

Baginda kemudian melihat pameran penerbitan-penerbitan Universiti Malaya yang diusahakan oleh Penerbit Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Malaya. Penerbit Universiti Malaya telah memainkan



kan peranan besar dalam memperkayakan ilmu. Sebagai penerbit universiti yang terulung di negara, ia telah menghasilkan berpuluh-puluh buku-buku bercorak ilmiah. Perpustakaan pula telah melibatkan diri dalam berbagai projek bibliografi dan berjaya menghasilkan tidak kurang daripada empat puluh buah penerbitan dari bentuk stensilan hingga ke buku bercetak.

Di tingkat pertama Baginda melihat Pameran Koleksi Perak di mana bahan-bahan berkenaan salasilah kesultanan Perak, sejarah, seni, sastera, sosio-budaya, bangunan dan kajian-kajian ilmiah mengenai negeri Perak dipaparkan. Selayang pandang kita sedar betapa kayanya maklumat mengenai negeri Perak yang dapat ditimba dari beraneka jenis bahan yang telah dikumpul selama Perpustakaan ini wujud.

Satu pameran mikro mengenai koleksi dan perkhidmatan Perpustakaan dengan tema 'Dari manuskrip ke mikrofon' diadakan di dewan bacaan paras tiga, peringkat ketiga. Di antara yang disajikan ialah beberapa carta mengenai organisasi dan fungsi Perpustakaan dan bahagian-bahagiannya; bahan-bahan pilihan daripada koleksi-koleksi manuskrip, Asia Timur, Tamil, Arab, kertas-kertas kerja persidangan, tesis dan disertasi, sains Malaysiana, undang-undang

Malaysiana, perubatan Malaysiana, buku-buku rujukan, bahan-bahan pandang-dengar, peta-peta lama, peta Kuala Lumpur dan penerbitan-penerbitan Institut Pengajian Tinggi. Di ruang perkhidmatan pula diperlihatkan alat-alat membaca mikrofon, alat-alat audio dan video, pita-pita video haluan perpustakaan dan pendidikan pembaca; perkhidmatan rujukan dan perkhidmatan kepada pelajar-pelajar cacat penglihatan.

Adalah menjadi harapan kakitangan Perpustakaan bahawa pameran-pameran ini telah meninggalkan kesan yang baik mengenai jajaran bahan-bahan yang boleh didapati di Perpustakaan untuk menampung keperluan pengajian, pengajaran dan penyelidikan di Universiti Malaya.

Sebelum Baginda berangkat meninggalkan Perpustakaan, Baginda dipersembahkan dengan hadiah berupa beberapa buah penerbitan yang diusahakan oleh Perpustakaan sebagai tanda menjunjung kasih.

Perpustakaan melalui ruangan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Naib-Canselor di atas minat dan nasihat beliau, Pegawai Perhubungan Awam, Pengarah Keselamatan, Ketua Pejabat Hartabenda dan lain-lain pihak yang telah membantu menjayakan majlis yang bahagia ini.

